Prospek dan Dasar

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2009

Ekonomi global dijangka tidak akan mencatat sebarang pertumbuhan pada tahun 2009, dengan sebilangan besar ekonomi mengalami kemelesetan secara serentak. Pasaran kewangan global akan terus tertekan pada tahun 2009 walaupun lebih banyak langkah telah diperkenalkan. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang berterusan untuk memulihkan dan mengukuhkan kedudukan kewangan sebilangan besar institusi kewangan yang mempunyai kepentingan sistemik di beberapa buah ekonomi maju.

Ekonomi global dijangka tidak akan mencatat sebarang pertumbuhan pada tahun 2009 dengan sebilangan besar ekonomi mengalami kemelesetan secara serentak

Kedudukan kewangan sektor kewangan yang semakin lemah dalam ekonomi-ekonomi ini juga dijangka terus terjejas kerana kemerosotan dalam aktiviti ekonomi menyumbang kepada penurunan nilai dan kerugian serta melemahkan lagi modal asas institusi-institusi kewangan tersebut. Jangkaan kerugian aset kredit yang berpunca dari Amerika Syarikat (AS) yang dipegang oleh bank dan institusi kewangan lain mungkin meningkat sehingga USD2.2 trilion[1]. Pengantaraan kewangan dan keyakinan dalam ekonomi maju dijangka mengambil masa yang agak lama untuk kembali normal. Spread dalam pasaran pendanaan dijangka terus tinggi dengan syarat pemberian pinjaman secara relatifnya masih ketat. Keadaan pasaran dalam sistem kewangan antarabangsa akan terus mencabar dan dijangka stabil apabila langkah-langkah dasar yang diumumkan dilaksanakan dengan berkesan untuk mengembalikan semula keyakinan dalam sektor kewangan.

Kemelesetan dalam ekonomi maju dijangka berlarutan. Sejajar dengan kesan luluh kredit (credit crunch) yang berterusan terhadap permintaan dalam negeri, penggunaan swasta juga akan menghadapi tekanan daripada kehilangan pekerjaan dan kemerosotan harga aset, manakala pelaburan swasta akan dikekang oleh kelemahan permintaan yang ketara dan lebih banyak kapasiti yang tidak digunakan. Perkembangan dalam ekonomi maju ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi-ekonomi di rantau Asia dengan teruk ekoran penguncupan dalam aliran perdagangan dan pelaburan. Ekonomi perindustrian baharu Asia (newly industrialised Asian economies, NIEs) serta ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan yang lemah atau tiada pertumbuhan, sementara RR China dijangka mencatat pertumbuhan lebih rendah daripada paras biasa disebabkan oleh prospek eksport dan pelaburan yang lemah.

Di **AS**, prospek aktiviti ekonomi benar dijangka terus merosot. Penggunaan swasta dijangka terus lembap memandangkan kelemahan yang berterusan dalam pasaran pekerja dan perumahan. Sejak tahun 2008, kehilangan pekerjaan di AS telah meningkat kepada 4.4 juta, manakala isi rumah mengalami kemerosotan kekayaan lebih daripada USD11.2 trilion disebabkan kejatuhan mendadak harga rumah dan ekuiti. Ini memerlukan pelarasan dalam penggunaan isi rumah yang dibiayai dengan hutang yang ketara sejak beberapa tahun yang lalu, lantas memaksa pembayaran balik hutang yang mendadak pada tahun 2008. Di samping itu, kemerosotan dalam pelaburan yang dijangka lebih menyeluruh, bukan sahaja merangkumi pelaburan perumahan malahan pelaburan bukan perumahan, berikutan prospek permintaan yang lemah, pengeluaran perindustrian yang menurun dan paras inventori yang meningkat. Namun, dasar monetari dan pelonggaran kuantitatif yang agresif berserta pakej rangsangan fiskal berjumlah USD787 bilion dijangka memberikan sokongan kepada ekonomi. Keutamaan dasar yang penting ialah pelaksanaan langkah-langkah bagi menyelesaikan masalah sektor kewangan, yang perlu untuk menyokong pemulihan pertumbuhan aktiviti ekonomi.

Kemelesetan di **kawasan euro** dijangka bertambah teruk disebabkan oleh kemerosotan sektor perumahan di beberapa ekonomi seperti Sepanyol, Ireland, Denmark dan Belanda, dan

[1] IMF World Economic Outlook Update, bulan Januari 2009

Rajah 4.1
Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan di Ekonomi Maju Utama (2008-2009)



a Awalan
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

juga kesan daripada tekanan kewangan. Jerman, ekonomi terbesar di kawasan euro, sedang mengalami kemelesetan yang didorong eksport, menyebabkan kejatuhan mendadak perdagangan serantau. Ini juga akan menjejaskan permintaan dalam negeri dalam ekonomi negara-negara kawasan euro yang lain. Luluh kredit di Eropah juga dijangka menjadi lebih teruk disebabkan pendedahan bank di Eropah Barat kepada ekonomi Eropah Tengah dan Timur, yang terjejas oleh kemelut kewangan antarabangsa pada masa ini. Sementara itu, di **UK**, ada tanda-tanda penguncupan ekonomi yang lebih teruk disebabkan oleh luluh kredit berterusan di samping kemelesetan dalam sektor perumahan. **Jepun**, yang ekonominya lebih bergantung pada eksport, dijangka terus mengalami kemerosotan dalam sektor eksport dan aktiviti pelaburan, yang akan melanjutkan lagi tempoh kemelesetan yang bermula pada separuh kedua tahun 2008.

Dengan ekonomi negara-negara maju dijangka mengalami kemelesetan yang berpanjangan, **perdagangan global** dijangka terus menguncup pada tahun ini. Penguncupan ini dijangka memberikan kesan kepada ekonomi sedang pesat membangun yang lebih terbuka perdagangannya. Kemerosotan dalam perdagangan global juga akan diiringi oleh kemerosotan dalam pelaburan langsung asing global, memandangkan syarikat multinasional mengurangkan pelaburan mereka berikutan peningkatan kapasiti, manakala institusi kewangan global dijangka mengurangkan pembiayaan.

Ekonomi di rantau Asia akan mengalami risiko pertumbuhan lebih rendah yang ketara pada tahun 2009, memandangkan rantau ini merupakan sebuah rantau yang sangat bersepadu dengan ekonomi global. Hal ini akan berlaku akibat daripada penguncupan permintaan luar negeri, harga komoditi yang rendah, dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berkurang. Pengaruh ini seterusnya akan menjejaskan permintaan sektor swasta dalam negeri. Penunjuk ekonomi menunjukkan bahawa permintaan dalam negeri telah mula mengalami penurunan yang ketara sejak penghujung tahun 2008 disebabkan sentimen sektor swasta yang lebih lemah, lebih banyak pemberhentian pekerja dan pengeluaran yang merosot dengan ketara. NIEs dijangka terus mengalami kemelesetan manakala ekonomi serantau lain dijangka menghadapi pertumbuhan yang sederhana dengan ketara pada tahun 2009. Selain itu, langkah fiskal menentang kitaran yang telah diperkenalkan oleh kebanyakan ekonomi di rantau ini juga akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan pada tahun 2009. RR China dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih rendah, disokong oleh pelaksanaan rangsangan fiskal yang besar sebanyak 13% daripada KDNK dalam tempoh dua tahun.

Inflasi global dijangka terus menurun pada tahun 2009 disebabkan kelembapan aktiviti ekonomi benar dan kemerosotan mendadak harga komoditi. Harga minyak dijangka kekal pada paras rendah disebabkan penurunan permintaan global lebih besar daripada pengurangan pengeluaran yang dilakukan oleh Organisasi Negara-negara Pengeksport Minyak (Organisation of Petroleum Exporting Countries, OPEC). Trend yang serupa dijangka dialami komoditi lain, termasuk pertanian dan logam asas, mencerminkan penurunan permintaan global yang menyeluruh. Kebalikan trend dalam harga komoditi dan keadaan permintaan yang nyata lebih lemah dijangka memberikan tekanan deflasi yang kuat terhadap inflasi keseluruhan dalam kebanyakan ekonomi, dengan adanya tanda-tanda berlakunya deflasi

Rajah 4.2
Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

dalam beberapa ekonomi. Inflasi keseluruhan dalam ekonomi maju dijangka menurun ke paras paling rendah sebanyak 0.3% pada tahun 2009. Sementara itu, inflasi dalam ekonomi sedang pesat membangun dan sedang membangun dijangka menjadi sederhana kepada 5.8% pada tahun 2009 daripada 9.2% pada tahun 2008[2]. Berlatarbelakangkan keadaan ini, tindak balas dasar monetari dijangka terus memberikan kesan pengembangan dengan pelonggaran kuantitatif tambahan bergantung kepada keadaan, bagi menangani isu yang khusus untuk sektor tertentu dalam pasaran kewangan.

Risiko pertumbuhan lebih rendah terus wujud dalam prospek global dan serantau. Kemelesetan dalam ekonomi maju mungkin berpanjangan disebabkan oleh pelarasan struktur yang mengambil masa yang lebih lama daripada jangkaan dalam sektor isi rumah, terutama di AS, memandangkan isi rumah menambah simpanan dan mengurangkan hutang yang berlebihan. Penyelesaian sektor kewangan juga mungkin mengambil masa lebih lama daripada yang dijangka untuk dilaksanakan dengan berkesan. Sementara itu, sokongan terhadap ekonomi juga bergantung pada keberkesanan perbelanjaan fiskal. Keberkesanan kombinasi tindak balas dasar fiskal dan monetari dan penyelarasan global secara besar-besaran dalam mengembalikan sistem kewangan dan pasaran untuk terus berfungsi adalah faktor penting dalam menentukan bila kedudukan ekonomi masing-masing akan kembali stabil. Walaupun risiko kepada prospek pertumbuhan dalam ekonomi negara-negara maju akan memberikan kesan yang besar terhadap ekonomi di rantau Asia, secara keseluruhannya rantau ini menghadapi cabaran ini dalam keadaan kedudukan ekonomi yang kukuh dan dasar ekonomi makro yang mantap. Ini membolehkan pengambilan dasar yang lebih fleksibel dalam menguruskan risiko pertumbuhan yang lebih rendah. Selain itu, langkah menentang kitaran yang sedang dilaksanakan juga akan memberikan sokongan kepada ekonomi benar dalam tempoh yang tidak menentu ini.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2009

Keadaan ekonomi dan kewangan global yang merosot dengan mendadak pada suku keempat tahun 2008, dijangka terus lemah pada tahun 2009. Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia sudah pun mengalami kesan daripada persekitaran global yang buruk apabila eksport dan pengeluaran perindustrian merosot dengan ketara, terutamanya sejak bulan Disember tahun 2008. Kemerosotan pantas permintaan luar negeri juga menjejaskan pelaburan dan penggunaan swasta dan mendorong kepada keadaan pasaran pekerja yang lebih lemah, sekali gus menyumbang kepada penyederhanaan yang ketara dari segi permintaan dalam negeri pada suku keempat tahun 2008. Ekonomi Malaysia dijangka mengalami kesan kemerosotan global sepenuhnya pada tahun 2009.

Dengan mengambil kira prospek kemerosotan global yang mendalam dan langkah dasar yang menyokong ekonomi, prestasi KDNK benar pada tahun 2009 diunjurkan antara -1% hingga 1%

Dalam menangani keadaan ini, beberapa langkah dasar diperkenalkan dengan fokus utama untuk menyokong permintaan dalam negeri, serta mengurangkan kesan kemerosotan global terhadap segmen ekonomi yang terjejas. Pada

[2] IMF World Economic Outlook Update, bulan Januari 2009

4 November 2008, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi pertama sebanyak RM7 bilion. Dana ini akan diperuntukkan kepada projek-projek yang mempunyai impak pengganda yang tinggi dan segera terhadap ekonomi. Selain itu, beberapa langkah untuk menyokong penggunaan swasta secara langsung turut diperkenalkan, seperti mengurangkan caruman kepada KWSP daripada 11% kepada 8% dan menaikkan had pinjaman kenderaan bagi kakitangan Kerajaan. Apabila keadaan ekonomi global terus merosot pada suku keempat tahun 2008 dan pada awal tahun 2009, pakej rangsangan ekonomi kedua sebanyak RM60 bilion atau hampir 9% daripada KDNK diumumkan pada 10 Mac 2009. Pakej ini akan dilaksanakan sepanjang tahun 2009 dan 2010, dan akan membabitkan perbelanjaan bagi latihan, mewujudkan pekerjaan, menambah baik infrastruktur awam, kemudahan sekolah dan kemudahan asas, serta menubuhkan kemudahan jaminan.

Sementara itu, dengan risiko inflasi berkurang dengan pantas, pelonggaran dasar monetari telah dipercepatkan bertujuan untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri menerusi pengurangan kos pengantaraan. Bank Negara Malaysia mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 150 mata asas sejak bulan November 2008 kepada 2.0%, manakala Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dikurangkan sebanyak 300 mata asas kepada 1.0%. Di samping itu, beberapa langkah turut diperkenalkan bagi memastikan akses berterusan kepada kredit dan bagi meminimumkan impak kemerosotan ekonomi terhadap kumpulan tertentu yang mengalami kesannya. Ini termasuk penubuhan empat kemudahan pembiayaan baharu bagi memudahkan akses kepada pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana dan perusahaan mikro serta langkah-langkah oleh institusi kewangan untuk meringankan beban terhadap kumpulan yang terjejas melalui penstrukturan semula pinjaman. Di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua, dua kemudahan jaminan pinjaman, iaitu Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri dibentuk, masing-masing untuk membekalkan modal kerja dan untuk menggalakkan pelaburan oleh masyarakat perniagaan. Selain itu, Institusi Jaminan Kewangan juga akan ditubuhkan untuk menyediakan penambahan kredit bagi syarikat yang memperoleh dana daripada pasaran bon.

Dengan mengambil kira jangkaan kemerosotan ekonomi global yang semakin buruk dan sokongan yang diberikan oleh langkah-langkah dasar, pencapaian pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2009 diunjurkan antara -1% hingga 1%. Permintaan dalam negeri dijangka memberikan sokongan utama kepada ekonomi dan diunjurkan mencatatkan pertumbuhan positif, dengan perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta sebagai tunggak utama. Perbelanjaan sektor awam diunjurkan meningkat dengan banyak berikutan pelaksanaan langkah-langkah rangsangan Kerajaan, justeru memberikan sokongan utama kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan pada tahun 2009. Tindak balas dasar akan memberikan sokongan penting kepada penggunaan isi rumah memandangkan pasaran pekerja dijangka lemah dan harga komoditi yang secara relatifnya lebih rendah. Pelaburan swasta dijangka perlahan dalam persekitaran kelembapan pertumbuhan ekonomi yang lebih menyeluruh.

Dari segi penawaran, sektor-sektor yang terdedah secara langsung kepada permintaan luar negeri akan terjejas dengan ketara pada tahun 2009. Pengeluaran sektor perkilangan dijangka merosot disebabkan penguncupan industri berorientasikan eksport dan sokongan yang lebih lemah daripada industri berorientasikan dalam negeri. Sektor perkhidmatan dijangka tetap menyumbang dengan positif kepada pertumbuhan dengan pengembangan yang berterusan, meskipun secara sederhana, berikutan prestasi industri berkaitan perdagangan yang lebih lemah. Sektor pertanian dan perlombongan akan mencatatkan pertumbuhan negatif disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit, getah dan minyak mentah yang lebih rendah, yang sebahagiannya dipengaruhi oleh harga yang rendah. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh, lantaran manfaat daripada pelaksanaan projek di bawah dua pakej rangsangan ekonomi tersebut.

Keadaan pasaran pekerja dijangka terus lemah, dengan kadar pengangguran diunjurkan meningkat kepada 4.5% pada tahun 2009. Perniagaan yang terjejas akibat kemerosotan nyata permintaan luar negeri berkemungkinan akan terus melaksanakan langkah pengurangan

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah paras keluaran yang selaras dengan kapasiti produktif agregat sesebuah ekonomi. Ia merupakan penunjuk kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan berasaskan input produktif yang ada. Pertumbuhan dalam keluaran potensi ditentukan oleh pengembangan dan penggunaan tanpa tekanan inflasi modal fizikal dan pekerja serta pertumbuhan produktiviti faktor menyeluruh (Total Factor Productivity, TFP), yang menggambarkan peningkatan produktiviti hasil daripada penggunaan input faktor yang bertambah baik dan juga kecekapan ekonomi secara menyeluruh.

Anggaran terkini menunjukkan bahawa keluaran potensi ekonomi Malaysia hampir kepada 5.1% pada tahun 2008, dengan jurang keluaran[1] yang positif sebanyak 0.5% daripada keluaran potensi. Jurang keluaran positif yang kecil ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia menghampiri potensinya dengan tekanan inflasi yang berpunca daripada permintaan yang minimum. Secara keseluruhan, sejak tahun 2000, ekonomi Malaysia mengalami trend pertumbuhan yang seimbang secara relatif seperti yang ditunjukkan oleh jurang keluaran yang berpurata kurang ±1% daripada keluaran potensi.

Jadual 1
KDNK Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang keluaran
	(Perubahan tahunan %)				(% drpd keluaran potensi)
1993-1999	6.5	6.6	4.3	3.2	0.0
2000	8.9	4.0	26.0	4.3	2.2
2001	0.5	4.6	-2.1	1.6	-1.8
2002	5.3	3.9	0.6	3.5	-0.4
2003	5.8	6.0	2.8	3.6	-0.6
2004	6.8	5.5	3.6	4.0	0.6
2005	5.3	5.1	5.0	4.1	0.8
2006	5.8	6.0	7.9	2.2	0.6
2007	6.3	6.0	9.6	2.0	0.9
2008*a*	4.6	5.1	1.1	1.2	0.5

a Anggaran

Rajah 1
KDNK Sebenar dan Potensi



r Ramalan

Sebagai sebuah ekonomi kecil yang terbuka, Malaysia terjejas oleh krisis kewangan dan ekonomi global yang meruncing. Dalam persekitaran sebegini, keluaran potensi diunjurkan menyederhana pada tahun 2009 disebabkan produktiviti menyeluruh (TFP) dan penyertaan tenaga kerja yang dijangka merosot serta pertumbuhan stok modal yang lembap, selaras dengan apa yang dialami semasa tempoh kelembapan yang terdahulu. Walau bagaimanapun, jurang keluaran pada tahun 2009 diunjurkan negatif memandangkan keluaran sebenar dijangka menyederhana dengan lebih nyata.

Rajah 2
Sumbangan Faktor dan Pertumbuhan Produktiviti Faktor Menyeluruh



r Ramalan

[1] Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan keluaran potensi dan jurang ini diukur sebagai peratusan kepada keluaran potensi. Jurang keluaran positif menunjukkan bahawa keluaran sebenar melebihi keluaran potensi manakala jurang keluaran negatif menunjukkan sebaliknya.

kos, termasuk pemberhentian sementara dan pembuangan pekerja. Walaupun guna tenaga dalam sektor awam dijangka meningkat pada tahun 2009, namun ini tidak akan dapat mengimbangi sepenuhnya prospek guna tenaga yang lemah dalam sektor swasta.

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 1.5% - 2% pada tahun 2009. Ini mencerminkan kejatuhan nyata harga komoditi global daripada paras tertinggi pada tahun 2008 dan inflasi global yang lebih perlahan. Kesan pelarasan terhadap harga ditadbir yang lebih rendah oleh Kerajaan dan jangkaan aktiviti ekonomi dalam negeri yang perlahan juga akan mengurangkan tekanan harga.

Bagi sektor luar negeri, lebihan akaun semasa diunjurkan menyederhana, tetapi kekal besar pada 11.5% daripada PNK pada tahun 2009. Walaupun eksport kasar dijangka menguncup dengan nyata disebabkan kelemahan ketara permintaan luar negeri dan harga komoditi yang lebih rendah, namun lebihan dagangan akan kekal besar kerana penguncupan eksport akan sebahagian besarnya diimbangi oleh penyusutan import. Akaun perkhidmatan dijangka mencatatkan defisit pada tahun 2009 disebabkan penyederhanaan dalam akaun perjalanan. Bagi akaun kewangan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing dijangka terus menyederhana pada tahun 2009, disebabkan syarikat multinasional menangguhkan rancangan pelaburan mereka sehingga munculnya tanda-tanda jelas berlakunya pemulihan permintaan.

Unjuran pencapaian pertumbuhan ekonomi pada kadar -1% hingga 1% untuk Malaysia pada tahun 2009 adalah berdasarkan jangkaan keadaan global yang lebih lemah pada tahun itu, yang sebahagiannya akan diimbangi oleh pelaksanaan langkah dasar untuk menyokong permintaan dalam negeri. Oleh itu, pelaksanaan rangsangan ekonomi yang tepat pada masanya adalah sangat penting dalam memastikan bahawa kesannya dapat menghasilkan pertumbuhan yang tinggi. Walau bagaimanapun, masih wujud ketidakpastian yang ketara berhubung prospek ekonomi global. Pertama, kemelut di pasaran kewangan antarabangsa mungkin terus berlarutan sehingga melewati tahun ini, dengan masalah dalam sektor kewangan di beberapa buah negara masih belum diselesaikan, justeru menguncupkan lagi ekonomi global. Kedua, langkah-langkah rangsangan besar yang sedang dilaksanakan oleh beberapa buah negara akan mengambil masa untuk menampakkan kesannya. Ketiga, terdapat risiko perlindungan perdagangan dan kewangan. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi kedalaman dan tempoh kemelesetan ekonomi negara maju dan hala tuju keseluruhan ekonomi global. Walau bagaimanapun, kekuatan ekonomi Malaysia dari segi sektor perbankan yang kukuh, kedudukan luaran yang mantap, tabungan yang tinggi serta tahap hutang yang secara relatifnya rendah dalam kalangan individu, perniagaan dan Kerajaan, memberikan kefleksibelan kepada ekonomi untuk mengharungi dengan lebih baik tempoh mencabar ini dan akan pulih sebaik sahaja keadaan ekonomi dan kewangan global kembali stabil.

Keadaan Permintaan dalam Negeri

Permintaan dalam negeri diunjurkan mengalami pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2.9% pada tahun 2009, mencerminkan terutamanya kesan limpahan yang buruk daripada kemerosotan ekonomi global yang semakin mendalam terhadap aktiviti sektor swasta. Penggunaan isi rumah diunjurkan menyederhana sementara perbelanjaan modal oleh sektor perniagaan dijangka terus menguncup pada tahun 2009.

Permintaan dalam negeri akan menjadi sederhana pada tahun 2009 disebabkan kemerosotan ekonomi global yang lebih mendalam menjejaskan penggunaan isi rumah dan perbelanjaan perniagaan. Sektor awam akan terus menjadi pendorong utama bagi permintaan dalam negeri

Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri akan disokong oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi. Sektor awam akan terus menjadi pendorong utama bagi permintaan dalam negeri, terutamanya berikutan pelaksanaan dua

Jadual 4.1
KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2000=100)

	2008*a*	2009*r*	2008*a*	2009*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**6.9**	**2.9**	**6.0**	**2.6**
Perbelanjaan sektor swasta	7.1	-0.3	4.4	-0.2
Penggunaan	8.4	3.5	4.3	1.8
Pelaburan	1.5	-17.7	0.2	-2.0
Perbelanjaan sektor awam	6.5	11.4	1.6	2.8
Penggunaan	11.6	7.3	1.5	1.0
Pelaburan	0.7	16.6	0.1	1.8
Perubahan dalam stok			**-0.8**	**1.4**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-3.8**	**-29.7**	**-0.5**	**-4.0**
Eksport	1.5	-16.6	1.8	-19.7
Import	2.2	-14.9	2.4	-15.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**4.6**	**-1.0~1.0**	**4.6**	**-1.0~1.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4.3
KDNK Benar dan Penggunaan Swasta



a Awalan
r Ramalan

pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2009. Dengan prospek inflasi terus reda dengan ketara, pelonggaran dasar monetari yang besar bertujuan menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Selain itu, sistem kewangan dalam negeri mempunyai keupayaan untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan kedua-dua sektor isi rumah dan perniagaan.

Pertumbuhan perbelanjaan **penggunaan swasta** dijangka menyederhana tetapi akan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.5% pada tahun 2009. Pengembangan perbelanjaan pengguna yang lebih perlahan akan sebahagian besarnya terjejas akibat keadaan pasaran pekerja dalam negeri yang lebih lemah dengan lebih banyak pembuangan pekerja dan prospek guna tenaga yang kurang menggalakkan. Permintaan terhadap pekerja dalam pelbagai sektor dijangka lebih lemah, dengan penyusutan sektor perkilangan menjadi penyebab utama kelembapan ini. Oleh itu, purata peningkatan gaji dalam sektor swasta dijangka menyederhana kepada 2.7% sementara kadar pengangguran diunjurkan meningkat kepada 4.5% daripada tenaga kerja. Pada masa yang sama, syarikat yang terjejas telah mengambil langkah pengurangan kos, termasuk memotong gaji, memendekkan minggu kerja, memberikan cuti tanpa gaji dan memberhentikan pekerja buat sementara. Selain itu, harga komoditi yang jatuh dengan nyata sejak suku keempat tahun 2008 akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dengan ketara.

Meskipun keyakinan pengguna dijejaskan oleh trend kemerosotan guna tenaga dan aktiviti ekonomi, namun tindak balas dasar yang merangkumi pelonggaran dasar monetari yang ketara dan akses yang berterusan kepada kredit akan memberikan sedikit sebanyak sokongan kepada penggunaan swasta. Selain itu, beberapa langkah dalam pakej rangsangan ekonomi dijangka mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi terhadap isi rumah. Ini termasuk pengurangan caruman kepada KWSP daripada 11% kepada 8%, menaikkan had kelayakan pinjaman kenderaan kakitangan awam, dan beberapa langkah untuk menambah peluang guna tenaga dan latihan yang terkandung dalam pakej rangsangan ekonomi kedua.

Rajah 4.4
Penunjuk Hutang Isi Rumah



Pelaburan swasta dijangka merosot sebanyak 17.7% pada tahun 2009 disebabkan aktiviti perbelanjaan modal akan terjejas oleh kejatuhan permintaan dan sentimen perniagaan yang negatif akibat keadaan ekonomi global yang semakin buruk. Walaupun trend menurun pelaburan swasta ini berlaku pada suku keempat tahun 2008, namun kesan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dijangka lebih meluas, lalu menjejaskan kebanyakan sektor ekonomi pada tahun 2009. Aktiviti pelaburan dalam sektor perkilangan akan mengalami kemerosotan yang paling besar apabila permintaan luar negeri terus menguncup dan permintaan dalam negeri menyederhana. Walaupun jumlah pelaburan yang tinggi diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2008, namun firma dijangka menangguhkan beberapa rancangan pelaburan sehingga terdapat tanda-tanda jelas berlakunya pemulihan permintaan. Di samping itu, kadar penggunaan kapasiti dijangka jatuh pada tahun ini, lalu mengurangkan pengembangan kapasiti.

Dalam sektor perkhidmatan, segmen perniagaan berorientasikan pengguna, seperti pengangkutan dan komunikasi dijangka terus membuat pelaburan, kebanyakannya untuk menambah baik pemberian perkhidmatan. Perniagaan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit juga dijangka mengembangkan operasi mereka, meskipun secara lebih terpilih dan di kedai baharu yang strategik lokasinya. Dalam sektor perlombongan, perbelanjaan modal akan menyederhana dan disalurkan ke arah mengekalkan kemudahan pengeluaran sedia ada dan aktiviti cari gali memandangkan komitmen jangka panjang untuk memastikan rizab yang mapan. Selain itu, perbelanjaan modal dalam sektor pembinaan akan menerima manfaat daripada pelaksanaan projek-projek yang dikenal pasti dalam pakej rangsangan dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9).

Penggunaan awam dijangka meningkat 7.3% pada tahun 2009, kebanyakannya disebabkan perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Yang penting, peruntukan lebih besar bagi bekalan dan perkhidmatan adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang berkesan bagi menyokong sektor swasta dan mengurangkan kesan kemerosotan luaran terhadap segmen yang terjejas.

Pelaburan awam dijangka meningkat dengan kukuh pada tahun 2009 apabila Kerajaan melaksanakan langkah menentang kitaran untuk mengurangkan kesan kelembapan yang didorong keadaan luaran terhadap ekonomi negara. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan lebih tinggi, kebanyakannya disalurkan ke arah menambah baik sektor ekonomi dan sektor sosial negara. Selain projek di bawah RMK9, Kerajaan dijangka mempercepat pelaksanaan pelbagai projek yang dikenal pasti dalam dua pakej rangsangan itu. Dalam sektor perkhidmatan sosial, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk menambah baik penyediaan perkhidmatan asas Kerajaan, seperti pendidikan dan kesihatan, pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar dan pembinaan rumah yang mampu untuk dimiliki. Perbelanjaan modal oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dijangka menyederhana disebabkan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan. Ini akan dilihat melalui pengembangan kapasiti yang lebih perlahan dalam sektor minyak dan gas serta subsektor utiliti. Pelaburan oleh PABK dalam subsektor komunikasi dan utiliti masing-masing tertumpu kepada peningkatan rangkaian jalur lebar dan penambahbaikan bekalan kuasa.

Prospek Mengikut Sektor

Dari segi penawaran, tahun 2009 merupakan tahun yang lebih mencabar bagi kebanyakan sektor dalam ekonomi, terutamanya industri yang terdedah secara langsung kepada permintaan luar negeri. Penguncupan permintaan global dijangka berterusan menjejaskan sektor perkilangan serta industri berkaitan perdagangan dan pelancongan dalam sektor perkhidmatan. Selain itu, kesan kelemahan dalam permintaan luar negeri dan persekitaran ekonomi yang secara amnya berwaspada akan mendorong kepada penyederhanaan aktiviti sektor swasta dalam sektor yang bergantung kepada pasaran dalam negeri, sejajar dengan kadar pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan. Bagaimanapun, sektor berorientasikan dalam negeri akan disokong sebahagiannya oleh dasar fiskal yang mengembang dan dasar monetari yang akomodatif. Sektor pembinaan terutamanya, dijangka mendapat manfaat daripada perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi dan mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2009.

Tahun 2009 akan lebih mencabar bagi kebanyakan sektor ekonomi, terutamanya industri yang terdedah secara langsung kepada permintaan luar negeri

Dengan aktiviti ekonomi keseluruhan lebih perlahan, pertumbuhan sektor **perkhidmatan** dijangka menyederhana kepada 4.5% pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, memandangkan sektor ini lebih didorong oleh permintaan dalam negeri, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan tetapi berterusan, berserta dasar fiskal dan monetari yang menggalakkan, akan memberikan sedikit sebanyak sokongan terhadap prestasi lebih lemah bagi aktiviti berkaitan perdagangan dan pelancongan yang dijangka dialami pada tahun 2009. Secara keseluruhannya, sektor perkhidmatan akan kekal sebagai sektor pertumbuhan utama bagi ekonomi pada tahun 2009, dengan menyumbang 2.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Subsektor **kewangan dan insurans** akan terus berkembang pada tahun 2009, meskipun pada kadar yang lebih perlahan. Sejajar dengan aktiviti sektor swasta yang lebih perlahan, kedua-dua aktiviti pemberian pinjaman dan perniagaan insurans dijangka menyederhana. Pendapatan berasaskan fi juga dijangka mencerminkan aktiviti yang muram di pasaran modal. Bagaimanapun, permintaan yang lebih rendah terhadap pembiayaan akan diimbangi sebahagiannya oleh persekitaran monetari yang akomodatif dan langkah baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk mempertingkat akses kepada pembiayaan bagi perniagaan yang berdaya maju, seperti Skim Jaminan Bantuan PKS sebanyak RM2 bilion, Skim Jaminan Modal Kerja sebanyak RM5 bilion dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri sebanyak RM5 bilion.

Sementara itu, pertumbuhan subsektor yang sebahagian besarnya bergantung pada penggunaan dalam negeri, seperti subsektor perdagangan borong dan runcit, dan subsektor komunikasi, akan kekal mampan tetapi pada kadar yang lebih sederhana. Subsektor **perdagangan borong dan runcit**, dan **penginapan dan restoran** diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kadar pertumbuhan pada tahun 2008. Pertumbuhan kedua-dua subsektor ini akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri ketika tekanan inflasi kian reda. Walau bagaimanapun, unjuran kemerosotan dari segi jualan kenderaan bermotor yang baharu akan memberikan kesan negatif kepada segmen automotif dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, walaupun terdapat sedikit sebanyak sokongan daripada skim pelupusan

Jadual 4.2
KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2008*a*	2009*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	3.8	-2.0
Perlombongan dan kuari	-0.8	-0.4
Perkilangan	1.3	-8.0
Pembinaan	2.1	3.0
Perkhidmatan	7.3	4.5
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**4.6**	**-1.0~1.0**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

automotif Kerajaan. Tambahan pula, pengguna dijangka lebih berhati-hati dalam perbelanjaan mereka disebabkan ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi, manakala jangkaan kemerosotan ketibaan pelancong akan turut memberikan sedikit sebanyak kesan kepada kedua-dua subsektor ini. Subsektor **komunikasi** dijangka terus mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2009, disokong oleh permintaan yang mapan terhadap perkhidmatan komunikasi mudah alih dan jalur lebar. Peluasan liputan jalur lebar terutamanya, berikutan pelaburan tambahan dalam projek jalur lebar berkelajuan tinggi dan perkhidmatan WiMax akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan subsektor ini.

Pertumbuhan yang sederhana dijangka lebih nyata dalam perkhidmatan berkaitan perdagangan dan perniagaan disebabkan permintaan luar negeri yang semakin lemah. Pertumbuhan subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** dijangka menjadi perlahan, memandangkan aktiviti perdagangan dan perkilangan yang dijangka lebih rendah akan menjejaskan permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan dan perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo yang lain. Segmen pengangkutan penumpang juga dijangka terjejas akibat permintaan global yang lebih rendah terhadap perjalanan udara. Walau bagaimanapun, kesan ini akan dikurangkan oleh promosi secara meluas tambang udara yang rendah dan pelaksanaan Dasar Ruang Udara Terbuka ASEAN pada 1 Januari 2009. Sementara itu, pertumbuhan subsektor **utiliti** akan terjejas akibat penyederhanaan permintaan terhadap elektrik, terutamanya daripada sektor perindustrian.

Sektor **perkilangan** diunjurkan merosot dengan ketara pada tahun 2009 (-8%; 2008: 1.3%), disebabkan terutamanya oleh penguncupan nyata bagi industri berorientasikan eksport dan sokongan yang lebih lemah daripada industri berorientasikan dalam negeri. Industri E&E terutamanya, dijangka paling teruk terjejas oleh kemerosotan ketara keadaan global yang mempengaruhi permintaan akhir terhadap semua keluaran E&E. Permintaan luar negeri yang lemah dan kemerosotan harga komoditi juga akan menjejaskan prestasi industri berkaitan komoditi utama. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap kebersihan diri dan sarung tangan getah perubatan akan terus menyokong industri getah. Industri berkaitan pengguna dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan disebabkan jangkaan kemerosotan permintaan terhadap kenderaan bermotor yang akan mempengaruhi perkilangan kelengkapan pengangkutan. Walau bagaimanapun, prestasi industri ini akan disokong oleh pertumbuhan mampan dalam industri makanan dan minuman memandangkan pertumbuhan yang sederhana tetapi berterusan dalam permintaan dalam negeri. Industri berkaitan pembinaan dijangka berkembang sejajar dengan sektor pembinaan yang luas dan mencatat pertumbuhan yang lebih menggalakkan pada separuh kedua tahun 2009 apabila langkah rangsangan ekonomi menampakkan kesannya.

Sektor **pertanian** dijangka mencatatkan penurunan sebanyak 2.0%, sebahagian besar disebabkan pengeluaran minyak sawit dan getah yang lebih rendah memandangkan jangkaan harga yang lebih rendah bagi kedua-dua komoditi berkenaan akan mengurangkan insentif untuk pengeluar secara kecil-kecilan mengekalkan trend pertumbuhan pengeluaran sepertimana yang diperhatikan pada tahun-tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, penurunan ini akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan positif dalam subsektor tanaman makanan, terutamanya ternakan, perikanan dan sayuran.

Sektor **perlombongan** diunjurkan merosot sedikit sebanyak 0.4%, apabila kejatuhan 2.2% dalam pengeluaran minyak mentah kepada 675,000 tong sehari akan diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan pengeluaran gas asli sebanyak 2.9% berikutan permintaan terhadap LNG daripada pembeli baharu, iaitu RR China, yang dijangka bermula pada separuh kedua tahun 2009.

Sektor **pembinaan** dijangka mengembang sebanyak 3% pada tahun 2009, disokong oleh segmen kejuruteraan awam berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah kedua-dua pakej rangsangan ekonomi. Sementara itu, subsektor kediaman dijangka menyederhana apabila sentimen pengguna yang semakin lemah mendorong pemaju untuk mengurangkan pelancaran pembinaan perumahan baharu, justeru memastikan kediaman yang tidak terjual berada pada tahap

yang terkawal. Walau bagaimanapun, langkah untuk memberikan pelepasan cukai ke atas faedah yang dibayar untuk pinjaman perumahan akan memberikan sedikit sebanyak sokongan kepada permintaan terhadap kediaman.

Imbangan Pembayaran

Dari segi sektor luar negeri, kemerosotan ekonomi global yang kian buruk dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa dijangka terus mempengaruhi perdagangan dan aliran modal pada tahun 2009. Sejajar dengan permintaan luar negeri yang ketara lebih lemah dan harga komoditi yang lebih rendah, eksport kasar dijangka merosot dengan nyata. Walau bagaimanapun, lebihan dagangan dijangka kekal besar apabila penguncupan eksport akan diimbangi sebahagian besarnya oleh penyusutan import. Eksport yang lebih lemah dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih perlahan dijangka mengurangkan dengan ketara import bagi barangan pengantara serta import barangan modal dan penggunaan. Sementara itu, akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa dijangka mencatatkan defisit. Berdasarkan semua perkara ini, **lebihan akaun semasa** diunjurkan akan menyederhana tetapi kekal besar pada RM80 bilion atau 11.5% daripada PNK pada tahun 2009. Sementara itu, aliran modal akan kekal rendah, mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah.

Jadual 4.3
Imbangan Pembayaran

	2008*a*	2009*r*
	RM bilion	
Barangan	170.1	108.1
Akaun perdagangan	141.9	84.9
Eksport (% perubahan tahunan)	*9.6*	*-25.3*
Import (% perubahan tahunan)	*3.3*	*-21.2*
Perkhidmatan	1.7	-0.9
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**171.8**	**107.2**
Pendapatan	-25.4	-10.6
Pindahan semasa	-17.0	-16.6
Imbangan akaun semasa	**129.4**	**80.0**
% daripada PNK	**18.1**	**11.5**
Akaun modal	0.6	
Akaun kewangan	-123.9	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**-123.3**	
Kesilapan dan ketinggalan	-24.3	
antaranya:		
Pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*-5.8*	
Imbangan keseluruhan	**-18.2**	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dengan prospek ekonomi global yang lebih lemah, pertumbuhan eksport dan aliran modal dijangka terus terjejas pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, lebihan akaun semasa akan kekal besar apabila penguncupan eksport diimbangi sebahagian besarnya oleh penyusutan import

Eksport kasar dijangka berkurangan dengan ketara sebanyak 25.3% pada tahun 2009, memandangkan eksport akan terjejas secara serentak oleh kemerosotan perkilangan dan komoditi. Penguncupan eksport perkilangan diunjurkan amat ketara bagi industri E&E, disebabkan kesan gabungan kemerosotan permintaan serta kejatuhan harga. Sementara itu, kejatuhan nilai komoditi utama dan eksport perkilangan berasaskan sumber mencerminkan sebahagian besarnya kesan harga, berpunca daripada pembetulan yang besar pada harga komoditi yang dilihat berlaku pada separuh kedua tahun 2008, dengan harga dijangka kekal lemah pada tahun 2009. Eksport pertanian diunjurkan merosot disebabkan harga yang lebih rendah dan permintaan yang berkurangan terhadap minyak sawit mentah dan getah, manakala eksport mineral akan menguncup akibat harga minyak mentah dan LNG yang lebih rendah.

Sejajar dengan permintaan yang lebih lemah terhadap eksport perkilangan dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih perlahan, **import kasar** dijangka merosot sebanyak 21.2%. Import

barangan pengantara, yang mencakupi 70% daripada import kasar, diunjurkan menyusut disebabkan pengilang mengurangkan pengeluaran mereka sejajar dengan kemerosotan tempahan eksport. Import barangan modal juga dijangka merosot dengan ketara berikutan kelewatan yang dijangkakan berlaku dalam pelaksanaan projek pelaburan sektor swasta sedia ada dan penangguhan komitmen pelaburan baharu. Sementara itu, import barangan pengguna dijangka menyusut sedikit sejajar dengan perbelanjaan pengguna yang lebih berhati-hati dalam ekonomi dalam negeri.

Akaun perkhidmatan diunjurkan mencatat defisit sebanyak RM0.9 bilion pada tahun 2009, disebabkan defisit dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain dijangka lebih daripada mengimbangi lebihan dalam akaun perjalanan. Lebihan akaun perjalanan akan menyederhana disebabkan jangkaan ketibaan pelancong yang lebih rendah memandangkan prospek ekonomi global yang lebih lemah akan memberikan kesan kepada perjalanan oleh kedua-dua sektor korporat dan isi rumah. Dengan kelemahan dijangka berterusan melanda perdagangan global dan industri perjalanan, perolehan pengangkutan oleh syarikat perkapalan dan penerbangan dalam negeri dijangka lebih rendah. Defisit dalam akaun perkhidmatan lain dijangka berterusan, mencerminkan pembayaran berterusan, meskipun lebih rendah, bagi import perkhidmatan pembinaan, komunikasi dan profesional.

Jadual 4.4
Perdagangan Luar Negeri

	2008*a*		2009*r*	
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)
Eksport kasar	**663.5**	**9.6**	**495.7**	**-25.3**
antaranya:				
Perkilangan	491.9	3.6	389.2	-20.9
Pertanian	68.1	30.0	35.7	-47.6
Mineral	87.5	43.2	54.7	-37.5
Import kasar	**521.6**	**3.3**	**410.8**	**-21.2**
antaranya:				
Barangan modal	69.9	...	57.2	-18.2
Barangan pengantara	379.1	5.7	286.5	-24.4
Barangan penggunaan	32.3	11.8	31.4	-2.8
Imbangan perdagangan	**141.9**	**41.4**	**84.9**	**-40.2**

... Terlalu kecil
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Defisit **akaun pendapatan** diunjurkan lebih rendah pada 1.5% daripada PNK, mencerminkan terutamanya keuntungan dan dividen terakru kepada MNC yang beroperasi di Malaysia yang lebih rendah. Unjuran pendapatan yang lebih rendah adalah sejajar dengan jangkaan prestasi eksport yang lebih lemah bagi industri E&E serta sektor minyak dan gas. Sementara itu, keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri juga dijangka lebih rendah, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, pembinaan dan perkhidmatan.

Dalam **akaun kewangan**, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) dijangka merosot pada tahun 2009. Penyederhanaan itu, yang bermula pada separuh kedua tahun 2008, dijangka berterusan hingga tahun 2009 disebabkan keyakinan perniagaan di seluruh dunia kekal lemah dan MNC yang beroperasi di Malaysia semakin tertumpu pada pemeliharaan modal dalam persekitaran permintaan global yang sangat lemah. Pelaburan asing dalam sektor perkilangan, terutamanya industri E&E yang dibiayai sebahagian besarnya oleh perolehan tertahan, dijangka merosot disebabkan MNC dijangka menghantar balik bahagian yang lebih besar daripada pendapatan mereka kepada syarikat induk mereka. Walaupun lebih banyak projek perkilangan asing diluluskan pada tahun 2007 dan 2008, namun pelaksanaan projek-projek ini berkemungkinan terjejas oleh pembatasan dan penangguhan rancangan pelaburan memandangkan keadaan permintaan global yang lebih lemah. Selain itu, peningkatan kapasiti berlebihan ketika permintaan semakin merosot dijangka terus mengurangkan aktiviti pelaburan dalam sektor perkilangan. Sementara itu, FDI dalam sektor minyak dan gas juga dijangka menyederhana memandangkan kejatuhan harga dan permintaan terhadap minyak mentah. FDI dalam sektor perkhidmatan juga dijangka lebih rendah kebanyakannya disebabkan berkurangnya aktiviti penggabungan dan pengambilalihan oleh pelabur asing dalam persekitaran aliran FDI global yang merosot.

Pelaburan langsung luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia juga dijangka lebih rendah pada tahun 2009, dengan pelaburan kebanyakannya disalurkan kepada ekonomi serantau dan ekonomi lain yang sedang pesat membangun. Aliran keluar untuk pengambilalihan kepentingan strategik dalam sektor perkhidmatan, yang dimeterai menjelang akhir tahun 2008, dijangka akan berterusan, terutamanya dalam subsektor utiliti dan pengangkutan. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor minyak dan gas, dan pembinaan dijangka menyederhana, berikutan prestasi sektor minyak dan gas diunjurkan lemah serta kelembapan dalam pelaksanaan projek infrastruktur dan pembangunan, terutamanya di Timur Tengah dan Asia Selatan.

Prospek Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja dijangka terus lemah sejajar dengan kelembapan aktiviti ekonomi. Berikutan kemerosotan nyata permintaan luar negeri sejak lewat tahun 2008, syarikat perniagaan, terutamanya dalam sektor yang terdedah kepada perdagangan luar negeri, berkemungkinan akan terus melaksanakan inisiatif pengurangan kos, termasuk memendekkan minggu kerja, skim pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS), pemberhentian kerja sementara (temporary layoffs) dan pemberhentian pekerja (retrenchments). Sentimen berhati-hati dalam kalangan majikan ditunjukkan dalam Kaji Selidik oleh Bank Negara Malaysia 2008 – 2009 mengenai prospek guna tenaga dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan, di mana kira-kira 24% daripada syarikat tersebut menyatakan bahawa mereka akan mengurangkan bilangan pekerjaan pada tahun 2009.

Keadaan pasaran pekerja lebih lemah pada tahun 2009

Sebaliknya, sektor awam dijangka meningkatkan jumlah guna tenaganya dengan sasaran pengambilan 63,000 orang pada tahun 2009-2010. Di samping itu, Kerajaan juga mengumumkan beberapa langkah untuk menyediakan peluang latihan bagi rakyat Malaysia yang terjejas akibat kelembapan ekonomi serta memberikan insentif kepada majikan supaya mengambil pekerja yang diberhentikan itu. Dijangkakan bahawa 100,000 peluang latihan akan diwujudkan melalui inisiatif itu. Walau bagaimanapun, langkah-langkah itu tidak akan dapat mengimbangi sepenuhnya prospek keseluruhan pasaran pekerja yang lemah. Akibatnya, **kadar pengangguran** dijangka meningkat daripada 3.7% pada tahun 2008 kepada 4.5% pada tahun 2009, sementara purata peningkatan **gaji** sektor swasta dijangka menyederhana kepada 2.7% (tahun 2008: 5.9%).

Jadual 4.5
Tinjauan BNM Bagi Prospek Gaji Tahun 2009

	2008*a*	2009*r*
Purata - semua sektor	**5.9**	**2.7**
Pembinaan	6.3	3.1
Perkhidmatan	5.1	2.7
Perkilangan	6.3	2.2

a Awalan
r Ramalan
Sumber: Tinjauan BNM, 2008/2009

Prospek Inflasi

Inflasi keseluruhan dijangka berkurang dengan ketara kepada purata antara 1.5% hingga 2.0% pada tahun 2009. Ini mencerminkan penyederhanaan yang berterusan pada harga tenaga dan makanan global serta inflasi global yang lebih rendah, yang sebahagiannya dicepatkan oleh kebalikan harga komoditi berikutan pengurangan pelaburan kewangan global dan penguncupan aktiviti ekonomi global. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, kemerosotan harga komoditi global dan pengaruh kemelesetan akan mempunyai impak yang nyata terhadap perkembangan harga di Malaysia. Di dalam negeri, kesan pelarasan menurun terhadap harga yang ditadbir oleh Kerajaan dan jangkaan kelembapan aktiviti ekonomi juga akan mengekang kenaikan harga.

Harga komoditi global dijangka terus turun pada tahun 2009 sejajar dengan kelembapan aktiviti ekonomi global. Harga minyak mentah sepertimana yang dicerminkan oleh niaga hadapan West Texas Intermediate bulan ke hadapan (West Texas Intermediate futures front-month) berpurata USD40.59 setong pada bulan Januari – Februari 2009, iaitu kemerosotan sebanyak 72.1% daripada paras tertinggi pada bulan Julai 2008 dan kemerosotan sebanyak 59.2% daripada harga purata pada tahun 2008. Peningkatan mendadak pengeluaran bijirin dunia (merangkumi gandum, beras dan bijirin kasar) pada tahun 2008 akan memudahkan pengimbangan semula penawaran dan permintaan bijirin global pada tahun 2009. Data daripada Prospek Tanaman dan Keadaan

Makanan edisi bulan Februari 2009 terbitan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (The Food and Agriculture Organisation of the United Nations, FAO) menunjukkan bahawa nisbah pengeluaran bijirin berbanding dengan penggunaan meningkat daripada 0.97 pada tahun 2006/2007, kepada 1 pada tahun 2007/2008, dan kepada 1.03 pada tahun 2008/2009. Perkembangan ini memberikan tekanan menurun kepada harga bijirin antarabangsa.

Krisis ekonomi dan kewangan global semasa telah menjejaskan dengan ketara prospek bagi permintaan dalam kalangan kedua-dua ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Keadaan permintaan yang lemah kemungkinan akan menurunkan harga di negara-negara yang terjejas. Akibatnya, inflasi di negara-negara yang menjadi sumber import utama Malaysia dijangka menurun hampir separuh kepada 2.6% pada tahun 2009 daripada 5.1% pada tahun 2008. Ini akan memberi lebih banyak ruang kepada pengimport dan pengguna input yang diimport untuk menjajarkan harga dengan keadaan permintaan dalam negeri.

Persekitaran luar negeri yang lebih lemah juga mula mempengaruhi aktiviti ekonomi dalam negeri. Permintaan eksport yang kian lemah telah menjejaskan sektor perkilangan dan sektor berasaskan sumber, serta sektor perkhidmatan yang bergantung kepada sektor-sektor tersebut. Kemerosotan menyeluruh sentimen pengguna dan pelabur dijangka mengakibatkan kejatuhan permintaan yang lebih meluas. Jangkaan peningkatan pengangguran dan diikuti dengan penyederhanaan pendapatan boleh guna, serta jurang pengeluaran yang lebih besar berkemungkinan akan memastikan tekanan harga yang didorong oleh permintaan terkawal.

Beberapa siri pelarasan terhadap harga yang ditadbir oleh Kerajaan akan memberi kesan nyata dalam mengurangkan inflasi. Kesan pelarasan harga runcit bahan api yang luput pada tahun 2008 dijangka memberikan tekanan menurun yang ketara terhadap inflasi pada separuh kedua tahun 2009. Pengurangan tarif elektrik dan harga gas yang diumumkan pada bulan Februari 2009 akan terus meredakan inflasi harga pengguna secara langsung, dan secara tidak langsung melalui kos input produktif yang lebih rendah. Sebarang penurunan seterusnya pada harga yang ditadbirkan sepanjang tahun itu akan memberikan kesan yang sama terhadap inflasi. Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ketika ini, pelarasan menurun terhadap harga oleh Kerajaan akan membantu meringankan beban isi rumah dan perniagaan dengan ketara, dengan memastikan harga dan kos pengeluaran terus rendah.

Dari segi faktor yang memberi tekanan menaik terhadap inflasi, penyusutan kadar pertukaran efektif nominal ringgit sejak awal tahun 2008 secara relatifnya kecil, dan tidak mungkin mengakibatkan harga barangan import yang lebih tinggi. Apabila ekonomi berubah selaras dengan permintaan yang lebih rendah, ada kemungkinan wujudnya kehilangan produktiviti yang sementara. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap inflasi dijangka lebih daripada diimbangi oleh kekuatan dorongan penyederhanaan aktiviti ekonomi memandangkan kos upah dan kos input dikurangkan. Hasilnya, inflasi akan kekal rendah pada tahun 2009, terutamanya pada separuh tahun kedua.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2009

Ekonomi dunia akan terus menghadapi cabaran pada tahun 2009. Ekonomi negara maju, yang mencakupi lebih 60% daripada ekonomi dunia, dijangka mengalami kemelesetan. Ekonomi Asia yang berasaskan eksport juga berhadapan dengan prospek kelembapan dalam aktiviti ekonomi yang teruk. Sebagai sebuah ekonomi yang paling terbuka di rantau ini, Malaysia telah pun terjejas akibat kemerosotan persekitaran luar.

Dengan risiko inflasi semakin reda dengan nyata, imbangan risiko beralih daripada inflasi kepada pertumbuhan. Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.9% pada bulan Januari 2009 daripada paras tertinggi sebanyak 8.5% pada bulan Julai 2008. Terdapat tanda-tanda yang kukuh bahawa trend menurun ini mungkin berterusan pada tahun 2009. Permintaan global yang kian lemah menyebabkan kejatuhan harga makanan dan tenaga global dan dijangka terus memberikan tekanan menurun terhadap inflasi dalam negeri. Tuntutan terhadap kenaikan upah juga akan terus reda. Sebaliknya, risiko terhadap pertumbuhan ekonomi semakin ketara.

Pengeluaran perkilangan dan eksport, masing-masing jatuh sejak bulan September 2008 dan Oktober 2008, terutamanya dalam sektor elektronik dan elektrik. Kemerosotan ekonomi global yang semakin mendalam berkemungkinan akan memberikan kesan kepada aktiviti ekonomi dalam negeri dan prospek guna tenaga sepanjang tahun ini.

Sebagai langkah pencegahan awal, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas pada bulan November 2008, diikuti oleh penurunan seterusnya sebanyak 75 dan 50 mata asas, masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2009 untuk mewujudkan persekitaran monetari yang lebih menyokong ekonomi dalam negeri. Kadar faedah yang lebih rendah dijangka menyokong permintaan dalam negeri melalui penyediaan kredit pada kos yang lebih rendah dan peningkatan pendapatan boleh guna melalui kos khidmat bayaran hutang yang lebih rendah. Kadar faedah yang lebih rendah juga meningkatkan keupayaan untuk meminjam dan mengurangkan kos modal.

Memandangkan wujudnya risiko pertumbuhan yang lebih perlahan, sistem kewangan perlu terus berfungsi dengan berkesan dan aliran kredit tidak terjejas. Pertama sekali, pengurangan OPR perlu memberikan kesan kepada kos peminjaman runcit yang lebih rendah dengan cepat. Bagi mencapai matlamat ini, pengurangan OPR telah diiringi oleh pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dan lantai kadar deposit. Langkah ini juga mengurangkan pengecilan margin bank, dan dengan itu mendorong pelarasan kadar faedah yang lebih rendah. Permintaan terhadap pinjaman juga perlu diseimbangkan dengan penawaran. Keupayaan bank untuk menyediakan kredit akan bergantung pada kualiti dan kekukuhan kedudukan kewangan mereka. Dasar berhemat dan kemajuan besar dalam membangunkan dan mengukuhkan sistem kewangan domestik sejak berlakunya Krisis Kewangan Asia menyumbang kepada daya tahannya. Hasilnya, keupayaan institusi perbankan untuk melaksanakan fungsi pengantaraan terus kukuh.

Penurunan kadar deposit tidak mengurangkan penekanan yang telah lama diberikan untuk memastikan kadar pulangan benar yang positif kepada penyimpan. Dengan inflasi mengalami trend menurun, kadar pulangan benar bagi deposit 12 bulan dijangka berpurata kira-kira lebih 0.5% pada tahun ini. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan penerbitan Bon Simpanan Merdeka berjumlah RM2 bilion pada 28 Januari sebagai instrumen tabungan tambahan bagi rakyat Malaysia yang berumur 56 tahun ke atas. Sementara itu, Kerajaan turut mengumumkan penerbitan Bon Simpanan berlandaskan syariah berjumlah RM5 bilion untuk rakyat Malaysia berumur 21 tahun ke atas. Dengan pulangan nominal sebanyak 5% setahun, kadar pulangan benar bagi bon ini dijangka berpurata melebihi 3% pada tahun 2009.

Melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia akan sentiasa menilai kesesuaian OPR dan pendirian dasar monetarinya. Oleh sebab kesan dasar monetari mengambil masa, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan OPR sebanyak 150 mata asas terkumpul bagi mempercepat kesan dasar, berikutan penyederhanaan yang ketara dalam prospek pertumbuhan dan inflasi. Bagi beberapa bulan berikutnya, Bank Negara Malaysia akan terus menilai sama ada kesemua langkah ini memberikan kesan yang dihasratkan dalam mengekalkan pengembangan kredit dan aktiviti ekonomi dalam negeri.

Impak kolektif dasar monetari dan fiskal boleh mengehadkan kesan kemerosotan ekonomi global terhadap aktiviti ekonomi dalam negeri dan memberikan asas yang kukuh kepada ekonomi untuk kembali kepada landasan pertumbuhan jangka sederhananya apabila keadaan ekonomi dan kewangan global kembali normal

Persekitaran semasa adalah luar biasa dari segi keseriusan dan skop. Tindak balas dasar secara bersepadu di peringkat nasional mahupun antarabangsa diperlukan. Di seluruh dunia, ketika bank-bank pusat melonggarkan dasar monetari,

kerajaan pula melaksanakan rangsangan fiskal yang mengakibatkan defisit fiskal yang besar yang tidak pernah dialami dalam tahun-tahun sebelum ini. Dasar yang saling melengkapi seperti ini sememangnya diperlukan. Dalam persekitaran semasa, dasar monetari sebagai alat pengurusan permintaan mempunyai had dari segi magnitud pemulihan semula yang boleh dicapainya dalam persekitaran semasa. Dasar fiskal mempunyai peranan penting dalam mengimbangi kejatuhan permintaan swasta melalui penambahan perbelanjaan awam. Di samping pakej rangsangan bernilai RM7 bilion yang diumumkan pada bulan November 2008, Kerajaan Malaysia mengumumkan pakej rangsangan tambahan berjumlah RM60 bilion pada 10 Mac 2009 bagi mengurangkan kesan perkembangan buruk dalam sektor luar negeri. Impak kolektif dasar monetari dan fiskal boleh mengehadkan kesan kemerosotan ekonomi global terhadap aktiviti ekonomi dalam negeri dan memberikan asas yang kukuh kepada ekonomi untuk kembali kepada landasan pertumbuhan jangka sederhananya apabila keadaan ekonomi dan kewangan global kembali normal.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2009

Kemerosotan ekonomi global yang teruk dan ketidakpastian mengenai tempoh kemerosotan itu berkemungkinan menyebabkan kelemahan menyeluruh terhadap keyakinan ekonomi dalam negeri. Kedua-dua dasar kewangan dan fiskal diperlukan untuk mengurangkan impak terhadap ekonomi dalam negeri dan menyokong permintaan dalam negeri. Walaupun dasar monetari berjaya menurunkan kadar faedah dengan ketara dan menyediakan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk menyokong aktiviti pembiayaan, dasar fiskal yang mengembang diperlukan untuk menyokong secara langsung pertumbuhan ekonomi menerusi peningkatan perbelanjaan sektor awam, bagi mengimbangi kejatuhan permintaan luar dan dalam negeri. Ia juga akan merangsang permintaan sektor swasta dengan memberikan insentif kepada penggunaan dan pelaburan swasta.

Bajet Kerajaan Persekutuan 2009 yang diumumkan pada bulan Ogos 2008 pada mulanya dirumuskan dengan objektif utama untuk terus memperkukuh daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi dua cabaran, iaitu kenaikan inflasi dan peningkatan ketidakpastian. Yang penting ialah tumpuan yang lebih besar terhadap langkah untuk memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam persekitaran harga yang tidak menentu. Bagi tujuan ini, pelbagai langkah diperkenalkan, termasuk menambah kriteria kelayakan untuk bantuan kebajikan daripada pendapatan bulanan sebanyak RM400 kepada RM720, bonus sebulan gaji untuk kakitangan awam dan pengurangan duti import bagi beberapa produk pengguna. Di samping itu, kadar cukai pendapatan individu dikurangkan daripada 28% kepada 27% untuk mereka yang berada dalam lingkungan cukai pendapatan tertinggi dan daripada 13% kepada 12% bagi lingkungan cukai pendapatan RM35,000 – RM50,000. Perbelanjaan Kerajaan juga terus tertumpu pada usaha mempertingkatkan kecekapan pengangkutan awam, menambah baik penjagaan kesihatan dan pendidikan, dan memberikan insentif perumahan kepada rakyat Malaysia.

Berikutan krisis kewangan semakin mendalam dan keadaan ekonomi global kian buruk pada suku keempat 2008, dasar fiskal digembleng untuk berperanan sebagai penentang kitaran. Bagi tujuan ini, Kerajaan mengumumkan Rancangan Penstabilan Ekonomi berjumlah RM7 bilion pada 4 November 2008. Rancangan ini, yang dibiayai oleh penjimatan daripada perbelanjaan subsidi bahan api yang lebih rendah, merupakan gabungan perbelanjaan awam untuk mengimbangi kejatuhan permintaan sektor swasta dan langkah untuk merangsang semula perbelanjaan swasta. Daripada jumlah RM7 bilion ini, RM4.7 bilion diperuntukkan untuk projek pembinaan dan pembangunan berskala kecil, termasuk pembinaan rumah kos rendah dan sederhana. Selebihnya disalurkan untuk menaik taraf dan menyenggara infrastruktur sosial dan kemudahan awam, seperti jalan raya di kawasan luar bandar, sekolah, hospital, balai polis dan kuarters tentera. Bagi merangsang penggunaan swasta, Kerajaan mengumumkan beberapa lagi langkah, termasuk pilihan untuk mengurangkan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11% kepada 8% selama dua tahun, melanjutkan tempoh bagi pembayaran balik pinjaman perumahan kakitangan awam dan menaikkan had bagi pinjaman kenderaan kakitangan awam.

Jadual 4.6
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan %	
	2008*a*	2009*B*	2008*a*	2009*B*
Hasil	159.8	160.8	14.2	0.7
Jumlah perbelanjaan	196.3	215.9	20.0	10.0
Perbelanjaan mengurus	*153.5*	*159.2*	*24.7*	*3.7*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*42.8*	*56.7*	*5.6*	*32.4*
Terimaan balik pinjaman	1.0	1.2		
Imbangan keseluruhan	**-35.6**	**-53.8**		
% daripada KDNK	**-4.8**	**-7.6**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	35.7	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-0.5	-		
Harta boleh jual [1] dan pelarasan	0.4	-		

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
a Awalan
B Bajet disemak
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan

Pada 10 Mac 2009, Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan tambahan untuk mengurangkan kesan kelembapan ekonomi global yang lebih besar. Teras utama program rangsangan ekonomi adalah untuk mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan, membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh isi rumah dan perniagaan serta membina keupayaan jangka panjang ekonomi. Pakej yang diumumkan berjumlah RM60 bilion itu atau hampir 9% daripada KDNK akan dilaksanakan sepanjang tahun 2009 dan 2010. Daripada jumlah ini, RM15 bilion adalah dalam bentuk suntikan fiskal, RM25 bilion untuk Dana Jaminan, RM10 bilion untuk pelaburan ekuiti, RM7 bilion untuk inisiatif pembiayaan swasta dan RM3 bilion dalam bentuk insentif percukaian.

Rajah 4.5
Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet disemak

Sumber: Kementerian Kewangan

Pakej rangsangan yang besar ini menyebabkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat daripada 4.8% daripada KDNK pada tahun 2008 kepada 7.6% daripada KDNK pada tahun 2009. Kerajaan terus membiayai defisit fiskal daripada sumber dalam negeri bukan inflasi, kebanyakannya melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII). Selain itu, Kerajaan akan menerbitkan bon runcit, iaitu Bon Simpanan Kerajaan, berjumlah sebanyak RM5 bilion. Ini sebahagiannya mewujudkan instrumen tabungan alternatif untuk penyimpan. Yang penting, dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan tabungan dalam negeri yang tinggi dalam sektor kewangan domestik, perbelanjaan sektor awam tidak akan memberikan kesan terhadap ketersediaan sumber kewangan bagi pembiayaan sektor swasta.

Pentadbiran Pertukaran Asing Malaysia

Meskipun krisis kewangan global yang berlarutan masih belum pulih, banyak pengajaran baharu telah dipelajari. Dalam hal ini, implikasi terhadap tahap liberalisasi akaun modal perlu dinilai secara berterusan. Malaysia terus membuat kajian semula tentang kesesuaian peraturan pentadbiran pertukaran asing (foreign exchange administration, FEA) yang sedia ada bagi mencapai kecekapan yang lebih baik dalam pengendalian transaksi kewangan antarabangsa. Isu untuk dipertimbangkan ialah memastikan tiada gangguan terhadap pembiayaan perdagangan dan pelaburan antarabangsa dalam persekitaran mudah tunai dolar AS yang berkurang, aliran modal yang tidak menentu, pasaran modal yang lebih cenderung mengelak risiko, dan peningkatan risiko pihak yang berkenaan bagi penyelesaian dan pembayaran.

Ketika kemuncak krisis kewangan Asia, peraturan FEA telah memainkan peranan penting dan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Rancangan Pemulihan Ekonomi yang komprehensif untuk mempercepat pembaharuan, mengembalikan kestabilan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan kestabilan ekonomi berikutan pelaksanaan Rancangan Pemulihan Ekonomi, peraturan-peraturan yang tidak lagi perlu telah dibatalkan melalui beberapa siri inisiatif liberalisasi yang progresif. Liberalisasi ini malah melangkaui pembatalan peraturan-peraturan FEA tersebut. Ini adalah sejajar dengan falsafah keseluruhan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi membantu pengembangan sektor swasta dan meningkatkan daya saing ekonomi keseluruhannya. Asas-asas ekonomi negara yang bertambah baik, sektor kewangan domestik yang kukuh lagi berdaya tahan dan juga pembangunan rangka kerja pengawasan yang lebih berkesan dan komprehensif telah memungkinkan tahap liberalisasi peraturan FEA yang lebih pesat sejak tahun 2003. Liberalisasi utama dan signifikan telah dilaksanakan pada tahun 2005 dan 2007 bagi peraturan yang melibatkan fleksibiliti aliran modal untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan menggalakkan pelaburan langsung asing.

Pada tahun 2008, liberalisasi peraturan FEA diteruskan, bertujuan meningkatkan daya saing Malaysia dengan memberikan lebih banyak fleksibiliti dan akses kepada pembiayaan oleh sektor perniagaan disamping mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Syarikat pemastautin adalah bebas untuk meminjam sebarang amaun mata wang asing daripada bank tempatan berlesen, syarikat induk bukan bank bukan pemastautin dan syarikat pemastautin lain yang berada dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia. Syarikat pemastautin juga adalah bebas untuk membiayai semula baki peminjaman mata wang asing yang diluluskan.

Untuk memberikan fleksibiliti tambahan bagi pembiayaan aktiviti sektor benar di Malaysia, syarikat pemastautin adalah bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit daripada syarikat induk bukan bank bukan pemastautin untuk tujuan tersebut. Syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin juga dibenarkan meminjam sebarang amaun dalam ringgit daripada syarikat pemastautin serta bank tempatan berlesen untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia.

Untuk mempromosikan Malaysia sebagai Hab Kewangan Islam Antarabangsa, Bank Islam Antarabangsa, Pengendali Takaful Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa bagi bank tempatan berlesen, pengendali takaful atau pengendali takaful semula boleh membuat pembayaran dalam mata wang asing kepada pengantara pemastautin untuk tujuan penyelesaian perkhidmatan kewangan yang diberikan. Di samping itu, untuk menyokong pembangunan pasaran kewangan domestik, pemastautin adalah bebas untuk melabur dalam kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah dalam dolar AS di Bursa Malaysia.

Peraturan FEA yang masih kekal adalah sebagai langkah berhemat bagi menyokong kestabilan monetari dan kewangan serta boleh dikategorikan sebagai menyokong objektif menyeluruh seperti yang berikut:

(i) Memudahkan penggunaan sumber kewangan domestik secara efektif;
(ii) Mengekalkan paras hutang luar negeri yang boleh diurus;
(iii) Melindungi mata wang domestik daripada spekulasi; dan
(iv) Memudahkan pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Kemerosotan landskap kewangan global pada tahun 2008 memerlukan dasar pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dan pragmatik sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka panjang, peluasan sempadan ekonomi negara dan agenda ekonomi negara yang strategik. Dalam melindungi spekulasi terhadap ringgit, peraturan yang tidak membolehkan ringgit diniagakan di pasaran antarabangsa telah menyekat akses kepada aktiviti spekulasi terhadap ringgit oleh bukan pemastautin.

Pentadbiran peraturan FEA – melangkah ke hadapan

Walaupun peraturan FEA terus relevan dan berperanan sebagai langkah berhemat dalam menyokong dan melengkapkan rangka kerja umum dasar makroekonomi demi memelihara kestabilan ekonomi dan kewangan negara daripada kejutan luar, Malaysia tetap komited untuk meliberalisasikan peraturan FEA secara progresif. Ini adalah penting memandangkan ekonomi Malaysia adalah kecil dan terbuka dengan sistem kewangan domestiknya sangat bersepadu dengan pasaran kewangan antarabangsa.

Liberalisasi pada masa hadapan akan dilaksanakan dalam rangka kerja yang holistik, melalui pendekatan yang teratur dan progresif, dengan penilaian yang cermat dan komprehensif bagi memastikan prinsip panduan yang berikut dipenuhi:

(i) Manfaat liberalisasi melebihi kos dan risiko

Malaysia mempunyai rekod prestasi yang kukuh dari segi dasar yang pragmatik serta memastikan dasar yang diliberalkan berupaya memenuhi matlamat untuk mengekalkan dan meningkatkan daya saing dalam tempoh pertumbuhan ekonomi yang tinggi serta mampu menghadapi kelemahan dan kejutan yang melanda ekonomi negara. Liberalisasi yang dilaksanakan setakat ini telah memberikan manfaat kepada negara, melebihi risiko yang mungkin dikaitkan dengan liberalisasi tersebut.

(ii) Liberalisasi disokong oleh "kesediaan" sistem ekonomi dan kewangan

Pertimbangan bagi liberalisasi peraturan FEA akan bergantung pada penilaian yang komprehensif terhadap kesediaan ekonomi dalam menangani keadaan ekonomi dan kewangan domestik dan global. Prasyarat penting termasuk asas-asas makroekonomi yang kukuh, yang disokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang teguh. Ini dapat dicapai menerusi pemantauan persekitaran yang berterusan, pembentukan sistem pengawasan yang berkesan dan komprehensif supaya kelemahan dan risiko yang muncul dapat dikesan lebih awal.

Kesimpulan

Kesalinghubungan rapat perdagangan dan kewangan negara dengan ekonomi serantau dan global memerlukan penilaian berterusan peraturan FEA bagi membantu transformasi ekonomi negara, dengan mengambil kira cabaran serantau dan global yang baharu. Malaysia akan terus melaksanakan strategi yang komprehensif dalam pentadbiran peraturan FEA bagi memanfaatkan potensi ekonomi Malaysia sepenuhnya di samping menggalakkan sistem kewangan yang kukuh dan stabil serta ekonomi yang berdaya tahan dan kompetitif. Pendekatan komprehensif ini merupakan kunci dalam usaha mencapai pertumbuhan yang seimbang, mampan dan stabil.